

NASIHAT KEPADA WAKIL2 RAKYAT

'Tunaikan kewajipan lebih baik utk rakyat'

TIMBALAN Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamed berkata, kejayaan yang dicapai oleh DAP dalam pilihanraya umum kali ini adalah hasil dari kerjasama antara parti itu dengan PAS.

Katanya, kerjasama itu berjaya memecahkan undi Melayu hingga memberi kemenangan yang begitu rupa kepada DAP.

Sebaliknya kata beliau Parti PAS telah menepa kejatuhannya sendiri hasil dari kerjasama itu.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, kerjasama itu jelas jika dikaji akan kekalahan calon Harisan Nasional kawasan Parlimen Damansara Encik S. Subramaniam.

ALOR SETAR, (Kedah) Ahad

Beliau berkata demikian ketika berucap kepada lebih 2,000 orang pekerja dan penyokong Barisan Nasional yang menyambut ketibaan beliau dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasnah dari Kuala Lumpur di Lapangan Terbang Kepala Batas dekat sini petang ini.

Diusung

Sebelum itu Dato Seri Dr. Mahathir yang tiba dengan sebuah kapalterbang khas disambut dengan pekan Al-lahu Akbar tujuh kali oleh orang ramai.

Beliau, Menteri Besar Dato Seri Syed Ahmad Shahabuddin, dan Pengarah Pilihanraya Barisan Nasional Kedah Dato Syed Nahar Shaha-

buddin telah dilarak dengan tiga buah usungan melalui orang ramai yang memekik sambil melambai-lambai tangan.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata, dengan kerjasama itu, PAS yang dahulunya mempunyai 14 kerusi Parlimen hanya mendapat lima kerusi sahaja, sebaliknya DAP yang mempunyai sembilan kerusi bertambah menjadi 15 kerusi.

Beliau berkata: "Istori ini pemimpin-pemimpin seperti itu, telah disingkatkan oleh rakyat sendiri melalui proses pilihanraya."

Menurutnya lagi Barisan Nasional tidak menyangka akan mendapat kejayaan yang lebih baik

dari apa yang didapati pada tahun 1974 kerana kemenangan tanpa bertanding mungkin tidak terdapat lagi pada kali ini.

Katanya, tetapi dengan kejayaan yang telah didapati jelas menunjukkan rakyat tetap menyokong dasar Barisan Nasional yang terbukti membawa kejayaan dan faedah kepada mereka.

Beliau kemudian mengingatkan wakil-wakil rakyat yang menang malam tadi supaya menikul tanggungjawab masing-masing untuk membawa kemajuan yang lebih baik kepada rakyat yang mereka wakili.

"Tidak ada tempat dalam Barisan Nasional untuk orang-orang yang tidak memegang amanah dan tidak bertanggungjawab," beliau memberi amaran.

Ubah kehidupan

Mengenal kejayaannya memenangi semula kerusi Parlimen Kubang Pasu beliau berkata rakyat kawasan tersebut hendaklah bersiap sedia menerima pembangunan yang boleh mengubah kehidupan mereka.

Turut berada di lapangan terbang ialah Setiausaha Agung UMNO Malaysia Datuk Senu Abdu Rahiman yang memenangi semula kerusi Parlimennya kawasan Kuala Kedah.

Malam ini Dato Seri Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasnah akan diraikan dalam satu majlis makan malam di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim Jenjang, 12 batu dari sini.

7, Julai 1978
No. Ruj. 149/78